

Penimbangtara perlu jalankan bicara dengan adil — Mahathir

KUALA LUMPUR 4 Julai — Para penimbangtara perlu berlaku adil dalam menyelesaikan pertelingkahan perdagangan supaya keyakinan orang ramai terhadap proses timbangtara tetap kukuh.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, untuk mencapai matlamat ini, mereka perlulah menjalankan perbicaraan dengan adil dan bebas.

Berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Timbangtara di sini hari ini, beliau berkata, penggunaan proses timbangtara yang meluas dapat mengurangkan banyak kes yang dikendalikan oleh mahkamah.

"Dalam hal ini, sikap timbangtara mahkamah terhadap pelaksanaan timbangtara akan membantu meningkatkan penggunaan tim-

bangtara dalam menyelesaikan pertelingkahan perdagangan sebagai alternatif kepada pendakwaan," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah berusaha sedaya upaya membantu mewujudkan suasana keadilan untuk perjalanan timbangtara perdagangan antarabangsa dengan penubuhan Pusat Serantau Kuala Lumpur.

"Penubuhan pusat ini telah mempertingkatkan lagi kesedaran terhadap kegunaan timbangtara atau perundingan dan keperluan untuk membuat keputusan yang cepat secara sulit serta mengelakkan publisiti meluas", jelasnya.

Katanya, sejak pusat ini ditubuhkan dalam tahun 1978, ia telah menggalakkan lagi pertumbuhan institusi timbangtara di rantau Asia - Pasifik seperti di Vancouver, Los Angeles, Sydney, Melbourne, Darwin dan Hong

Kong untuk menampung keperluan ahli perniagaan.

"Suasana timbangtara telah banyak berubah di mana lebih ramai menyertai bidang ini untuk memenuhi permintaan pasaran - pasaran baru dan negara - negara perindustrian baru (NIC) turut menyertai negara - negara perindustrian lain.

"Perkembangan ini, akan menggalakkan lagi perkembangan bidang industri di Asia," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, di samping penubuhan Pusat Serantau Kuala Lumpur, kerajaan juga telah meminda Akta Timbangtara untuk memindahkan perjalanan timbangtara ke bawah Undang - Undang Pusat Serantau Kuala Lumpur dari pengawasan mahkamah.

Beliau menggesa ahli perniagaan supaya mengambil kesempatan dari kelebihan yang boleh diperolehi ekor-

an pindaan ini.

"Kelebihan ini terbuka kepada mana - mana pihak yang memilih untuk ditimbangtara di bawah Undang - Undang Pusat Serantau Kuala Lumpur, sama ada mereka dari rantau ini atau tempat - tempat lain," tambah beliau lagi.

Katanya, ketika merasmikan persidangan pertama

pusat itu pada tahun 1979, beliau telah memberi jaminan akan memperakukan kepada kerajaan supaya Malaysia menerima Konvensyen bagi Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Anugerah Timbangtara New York 1985 menerima konvensyen tersebut.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau juga memberi jaminan bahawa kerajaan

akan menghormati fungsi bebas pusat tersebut.

Kira - kira 120 peserta dari Hong Kong, Thailand, Iran dan Singapura menghadiri persidangan selama dua hari itu.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Sri Rafidah Aziz dan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.